

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YANG BERHORMAT TUAN OSCAR LING CHAI
YEW [SIBU]**

TARIKH : 24 OKTOBER 2016

SOALAN :

YB Tuan Oscar Ling Chai Yew [SibU] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan perkembangan perbincangan hak autonomi Sarawak antara Kerajaan Negeri Sarawak dan Kerajaan Persekutuan. Nyatakan tuntutan daripada pihak Kerajaan Negeri Sarawak, dan konsensus yang dicapai. Adakah autonomi sepenuh dalam pendidikan merupakan salah satu tuntutan negeri Sarawak, yang memerlukan pindaan Perlembangan Persekutuan 9th schedule.

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perundingan antara pihak Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri Sarawak mengenai isu penurunan kuasa secara pentadbiran telah dilaksanakan bermula Januari 2016 sehingga September 2016. Sebanyak 13 perkara yang tidak melibatkan pindaan Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan telah dipersetujui. Bagi sektor pendidikan, antara penurunan kuasa secara pentadbiran yang telah dipersetujui adalah seperti berikut:-

- (a) Jumlah guru anak kelahiran Sarawak bertugas di Negeri Sarawak akan ditingkatkan kepada nisbah 90% daripada jumlah keseluruhan guru di Negeri Sarawak menjelang tahun 2018;
- (b) langkah-langkah penambahbaikan oleh kementerian bagi meningkatkan jumlah kemasukan pelajar dari kalangan anak-anak Negeri Sarawak ke program ijazah sarjana muda perubatan di universiti awam tempatan;
- (c) peluang yang lebih besar untuk anak-anak negeri bagi memasuki program pengajian *foundation* di UNIMAS; dan

(d) keutamaan kepada Pelan Pembangunan 5 Tahun Negeri Sarawak untuk perancangan projek-projek pembangunan Kerajaan Persekutuan di Negeri Sarawak berdasarkan kepada peruntukan yang diluluskan. Pelaksanaan projek akan dirujuk/dirunding bersama antara Kementerian dan Kerajaan Negeri termasuk penentuan lokasi sekolah.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN AHMAD HANIPA BIN MAIDIN

TARIKH : 24 OKTOBER 2016

RUJUKAN : 9307

SOALAN:

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang] minta MENTERI
DALAM NEGERI menyatakan :-**

- a) berapa ramai suspek yang ditembak mati oleh polis dalam "OPS CANTAS"; dan
- b) berapa pula jumlah suspek yang telah dibicarakan selepas ditangkap dan ditahan dalam OPS CANTAS.